

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 4

## KRC tarik pelaburan 10 bilion

Lima tahun lebih awal daripada sasaran, wujudkan 7,000 pekerjaan - PM

# KRC tarik pelaburan RM10 bilion

Oleh Zaid Mohd Noor dan  
Jamaliah Abdullah  
utusannews@mediamalaya.com.my

**PADANG TERAP:** Bandar Getah Kedah (KRC), taman perindustrian getah khusus mesra alam pertama di Malaysia menyasarkan nilai pelaburan swasta RM10 bilion menjelang 2025.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jumlah nilai pelaburan itu adalah lima tahun lebih awal daripada sasaran asal pada 2030.

Menurutnya, setakat ini, KRC telah berjaya menarik pelaburan komited bernilai kira-kira RM4 bilion sekali gus mewujudkan 7,000 peluang pekerjaan baharu.

Katanya, KRC merupakan salah satu daripada pelbagai projek 'game changer' yang dilaksanakan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan kerjasama kerajaan negeri untuk mentransformasi negeri Kedah sebagai sebuah negeri yang maju.

"Ini sekali gus merapatkan jurang pembangunan antara wilayah. Projek ini turut mencerminkan komitmen kerajaan dalam menyampaikan pembangunan berskala besar ke kawasan-kawasan kurang membangun di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Projek Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) - KRC di Ladang Bukit Ketapang di sini semalam.

Turut hadir Menteri di



ISMAIL Sabri Yaakob berucap merasmikan Projek Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) - KRC di Ladang Bukit Ketapang, Padang Terap, Kedah, semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Ketua Eksekutif NCIA Datuk Seri Jebasingam Is-sace John.

KRC, yang bakal dibangunkan dalam dua fasa di kawasan seluas 503 hektar merupakan salah satu projek strategik nasional Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan melalui NCIA dengan tujuan menjadikannya sebuah peneraju dalam pembangunan industri getah Malaysia serta hab global bagi industri getah nilai.

Menurut Ismail Sabri, KRC dibangunkan dengan matlamat untuk menjadikannya sebagai peneraju pembangunan industri getah negara serta hab indus-

tri getah bernilai tinggi di peringkat global.

"Berdasarkan lokasinya yang strategik di kawasan 'Rubber Belt' sempadan Malaysia-Thailand, KRC juga akan memupuk kerjasama dan integrasi serantau yang lebih erat antara kedua-dua negara, serta dijangka menjadi penggerak dalam menghubungkan pengeluaran-pengeluaran getah utama di rantau ini di bawah platform Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thai-

land (IMT-GT)," katanya.

Tambah beliau, sebagai seorang anak penoreh getah, beliau amat berbesar hati kerana projek KRC ini bakal memberi manfaat kepada pekebun kecil getah di negeri ini.

"Walaupun Kedah merupakan salah satu kawasan penanaman getah yang penting di tanah air, namun industri getah di negeri ini kebanyakannya masih tertumpu kepada aktiviti bernilai rendah dengan saluran pemasaran yang terhad. Ini mengakibatkan ramai pekebun kecil masih dibelenggu dengan pendapatan yang rendah dan kemiskinan.

"Justeru, Projek KRC akan membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil dengan memastikan permintaan yang berterusan untuk bekalan getah asli mereka, di samping menstabilkan harga getah melalui penggunaan getah asli secara optimum dengan penghasilan produk-produk hiliran yang bernilai tambah," katanya.

Perdana Menteri berkata, sehubungan itu pihak NCIA akan bekerjasama dengan RISDA bagi memaju dan membangunkan masyarakat pekebun kecil getah tempatan, yang berpotensi memberi manfaat kepada 73,642 pekebun kecil negeri Kedah, termasuklah 11,190 pekebun kecil dari daerah Padang Terap.

Tambahnya, kerajaan berharap agar pelabur dari dalam dan luar negara akan merebut peluang ini untuk menempatkan operasi mereka di KRC.